



Ruj. Kami : KPM.600-5/1/4 Jld. 8 (5)
Tarikh : 11 Januari 2019

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEMANTAPAN PENGOPERASIAN JAWATANKUASA KURIKULUM SEKOLAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Pelaksanaan kurikulum yang berkesan di peringkat sekolah sangat penting dalam memastikan pembangunan modal insan yang holistik dan memiliki ciri-ciri yang memenuhi enam aspirasi murid seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Justeru, kecekapan pihak sekolah menggerakkan Jawatankuasa Kurikulum Sekolah (JKS) sebagai wahana untuk meningkatkan keberhasilan kemenjadian murid amat penting. Pengurusan JKS yang cekap, sistematik dan berkesan akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyeronokkan, bermakna dan berimpak tinggi kepada murid.
3. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan supaya semua sekolah memperkasa JKS masing-masing dengan menjadikan pembelajaran, sahsiah, keselamatan dan kesihatan murid sebagai fokus utama jawatankuasa ini menggunakan pendekatan **dialog prestasi**. Pelaksanaan dialog ini perlu dijalankan secara berkala sekurang-kurangnya empat kali setahun bagi membolehkan sekolah membuat keputusan berdasarkan data dan fakta yang tepat bagi memastikan PdP yang dijalankan adalah berkualiti dan menepati keperluan murid.
4. Dengan itu, semua jawatankuasa kecil berkaitan pembelajaran, sahsiah, keselamatan dan kesihatan murid yang dibentuk atas inisiatif sekolah hendaklah dimansuhkan. Jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD) juga tidak dibenarkan mengadakan apa-apa jawatankuasa tambahan di peringkat sekolah selain yang diarahkan oleh KPM.

5. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima Kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



SHAARI BIN OSMAN

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah Sektor Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
 8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
 9. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Malaysia